
JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

SEKATA

JILID 7 BILANGAN 1
JUN 1989

ISSN 0217-4627
SYAWAL 1409

- **PENGAJARAN BAHASA
MENURUT PENDEKATAN KOMUNIKATIF**
- **PLEONASME DALAM BAHASA MELAYU**
- **LAPORAN SIDANG KE-28 MAJLIS BAHASA
BRUNEI DARUSSALAM – INDONESIA – MALAYSIA
(MABBIM)**
- **MASALAH EJAAN DAN SEBUTAN BAHASA MELAYU
DI SINGAPURA: SATU TINJAUAN RINGKAS**

**JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN
SINGAPURA**

**JAWATANKUASA
BAHASA MELAYU
SINGAPURA**

Pengerusi
HAJI SIDEK SANIFF

Setiausaha Kehormat
ALMUDDIN HASHIM

Anggota
YATIMAN YUSOFF
HAJI WAN HUSSIN ZOOHRI
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD
HAJI SURATMAN MARKASAN
HAJI ALIMAN HASSAN
Dr. LIAW YOCK FANG
HAWAZI DAIFI
HASHIM YUSOF
AHMAD THANI AHMAD
HARUN A. GHANI
KASMADI HAJI NASIR
MOHAMED NAIM DAIFI
Drs. MASRAN SABRAN
M. RAMAN DAUD
M. RIDWAN KAMARI

**SIDANG EDITOR
SEKATA**

JILID 7 JUN 1989
BILANGAN 1 SYAWAL 1409

Ketua Editor
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD

Timbalan Ketua Editor
MOHAMED NAIM DAIFI

Editor
HAJI SURATMAN MARKASAN
HARUN A. GHANI
Drs. MASRAN SABRAN
M. RAMAN DAUD

KANDUNGAN

	Muka
Daripada Editor	2
PENGAJARAN BAHASA MENURUT PENDEKATAN KOMUNIKATIF - Kasmadi Hj Nasir	4
PLEONASME DALAM BAHASA MELAYU - Ors. Boon Yadi Rosdi	18
LAPORAN SIDANG KE-28 MAJLIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM - INDONESIA - MALAYSIA (MABBIM) - Masran Sabran	24
MASALAH EJAAN DAN SEBUTAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA: SATU TINJAUAN RINGKAS - Mohamed Naim Bin Daipi	33

SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamatkan kepada:

Setiausaha Kehormat
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura,
Kementerian Perhubungan & Penerangan,
Bangunan PSA, Tingkat 37,
460, Alexandra Road,
Singapura 0511.

Daripada Editor

Semangat hendak menggunakan bahasa Melayu yang betul sudah tertanam dalam perasaan masyarakat Melayu semenjak timbulnya kesedaran berbahasa ibunda. Ikrar hendak menatarkan bahasa ibunda itu sebagai penjunjung budaya sudah termeterai di dalam hati dan perasaan mereka; malah semangat cinta akan bahasa dan cinta akan budaya pun sudah tertanam dalam jiwa dan sanubari masyarakat kita.

Yang masih disangsikan ialah sikap dan tindakan sesetengah anggota, masyarakat, malah beberapa orang dalam golongan 'pemimpin' masyarakat kita yang kelihatan seakan-akan tidak selaras dengan semangat dan ikrar tadi. Masih terdapat sejumlah anggota masyarakat kita yang agak kaku lidahnya dan ragu-ragu sikapnya hendak menggunakan bahasa Melayu walaupun di tempat yang harusnya mereka berbahasa Melayu.

Dalam beberapa pertemuan umum masyarakat Melayu-Islam yang membincangkan isu-isu mengenai masyarakat Melayu, kadang-kadang pengerusi membenarkan peserta Islam bukan-Melayu menyampaikan pendapatnya menerusi bahasa Inggeris kerana mereka itu tidak fasih berbahasa Melayu. Tindakan pengerusi itu adalah wajar sebagai penghormatan terhadap peserta bukan-Melayu yang ingin memberi sumbangannya terhadap penyelesaian masalah Melayu.

Yang dirasakan tidak wajar ialah tindakan beberapa peserta Melayu yang mengambil kesempatan menggunakan bahasa Inggeris walaupun dia fasih berbahasa Melayu. Apabila ditegur oleh peserta lain dan dirayu supaya dia berbahasa Melayu, dengan megah dia mempertahankan sikapnya, bahawa dia berasa yang dia lebih Melayu daripada peserta lain walaupun dia bertutur dalam bahasa Inggeris.

Kejadian tadi menggambarkan betapa perlunya kita membetuli sikap masyarakat dalam hal menggunakan bahasa Melayu yang betul. Dengan menanamkan rasa cinta akan bahasa dan budaya, dan dengan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang betul sahaja tidaklah memadai. Usaha menatarkan bahasa sebagai penjunjung budaya sukar berjaya jika sikap sesetengah 'pemimpin' atau calon pemimpin kita terhadap penggunaan bahasa Melayu itu dingin sahaja.

Cogan kata kempen budi bahasa kita bagi kali ini ialah: **budi bahasa bermula dari saya**. 'Saya' itu termasuklah pemimpin dan rakyat. Mengapa tidak kita selaraskan kegiatan bahasa kita dengan cogan kata itu; padahal menggunakan bahasa yang betul di tempat yang betul pada masa yang betul adalah termasuk budi bahasa juga!

Marilah sesama kita fikirkan dan kita usahakan apa yang patut untuk melaksanakan semangat dan ikrar yang telah sesama kita bina itu.

PENGAJARAN BAHASA MENURUT PENDEKATAN KOMUNIKATIF

oleh: Kasmadi Hj Nasir

Di dalam konteks pengajaran bahasa, bahasa yang diajar itu boleh merupakan bahasa ibunda atau merupakan bahasa kedua atau bahasa asing bagi pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa itu. Secara umum memang benar bahawa mengajar bahasa yang berupa bahasa ibunda kepada pelajar-pelajar tidak menimbulkan banyak masalah seperti mengajar bahasa yang menjadi bahasa kedua atau bahasa asing kepada pelajar-pelajar. Ini pada sebahagian besarnya disebabkan pelajar-pelajar sejak kecil lagi telah terdedah dan menggunakan bahasa ibunda mereka. Mereka telah melalui proses pemerolehan bahasa. Berbagai teori telah dikemukakan untuk menjelaskan bagaimana proses itu berlaku seperti teori Skinner (1957), Orgood (1957), Eric Lennerberg (1964), McNeil (1968), dan lain-lain.

Mengajar sesuatu bahasa kepada pelajar-pelajar yang bukan merupakan penutur jati bahasa tersebut menimbulkan berbagai masalah

yang rumit dan payah diatasi. Untuk mempelajari dan menguasai bahasa yang berupa bahasa kedua atau bahasa asing berbagai kaedah telah digunakan seperti *kaedah tatabahasa-terjemahan*, *kaedah terus*, *kaedah "audio-lingual"* dan sebagainya. Tiap-tiap kaedah ini mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Sebagai evolusi dalam dunia pendidikan bahasa, wujudlah apa yang dikatakan mengajar bahasa secara komunikatif pada awal tahun 70-an. Di dalam kertas kerja ini akan dibincangkan aspek-aspek berikut: latar belakang teori, sukatan pelajaran, teknik-teknik dan aktiviti komunikatif, bahan pengajaran, peranan guru dan akhir sekali kelebihan-kelebihan pengajaran bahasa cara komunikatif.

Latar Belakang Teori

Terdapat perkaitan yang erat antara linguistik dengan teori pengajaran bahasa. Perkembangan ilmu linguistik membuka peluang-peluang baru bagi pengkaji-pengkaji pendidikan bahasa untuk membina teori-teori baru untuk mendasari sesuatu kaedah pengajaran. Di dalam tahun 50-an *teori linguistik struktural* yang dikemukakan oleh Leonard Bloomfield merupakan teori linguistik yang penting dan berdasarkan linguistik struktural lahirlah kaedah pengajaran bahasa yang dipanggil "*audio-lingual approach*". Sesuatu bahasa yang hendak diajar dibahagikan kepada struktur-struktur yang asas dan mudah dan struktur-struktur yang mudah ini diajar dahulu sebelum diajar struktur-struktur yang lebih kompleks. Di dalam bahasa Melayu, buku-buku yang menggunakan pendekatan struktural adalah buku "Bahasa Malaysia Kini," oleh Asmah Hj Omar, *An Introduction to Malay Grammar* oleh Asmah Hj Omar serta Rama Subbiah.

Pengajaran bahasa mengikut pendekatan struktural juga mementingkan pengajaran cara latih-tubi supaya pelajar-pelajar dapat meresapkan struktur-struktur sesuatu bahasa dan diharapkan setelah itu mereka akan dapat menggunakannya dengan betul.

Dari segi psikologi, pengajaran bahasa mengikut struktur didasarkan kepada *teori behaviourisme* di mana unsur-unsur latihan yang berterusan, latih-tubi, pengukuhan tindak balas yang diterima, serta penghapusan tindak balas yang tidak dikehendaki membolehkan seseorang itu menguasai bahasa.

Pada tahun 1957 terbit buku Noam Chomsky "*Syntactic Structures*" yang telah membawa satu pembaharuan yang penting dalam bidang linguistik iaitu terbitnya **Tatabahasa Transformasi Generatif (TTG)** yang mengkaji bahasa dari perspektif yang baru. Dari sudut psikologi, TTG didasarkan kepada psikologi kognitif yang mementingkan proses. Berbeza dengan linguistik struktural, TTG mengutamakan analisis, daya pemikiran (**rationalism**), intuisi, struktur dalaman dan penerangan.

Jika sekiranya linguistik struktural mementingkan struktur permukaan dan membahagikan sesuatu bahasa kepada unit-unit yang kecil, TTG pula mementingkan struktur permukaan dan struktur dalaman serta analisis. Chomsky telah mengemukakan dua konsep penting iaitu 'kebolehan' dan 'perlakuan'. Kedua-dua konsep cuba menerangkan bagaimana seorang kanak-kanak dapat menguasai bahasa yang digunakan oleh kedua orang tuanya dan masyarakatnya. Chomsky tidak setuju dengan penerangan teori pemerolehan bahasa yang telah dikemukakan oleh Skinner.

Kemunculan TTG telah menimbulkan semula minat untuk mengkaji bagaimana seorang kanak-kanak dapat memperolehi bahasa. Kajian-kajian telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji seperti Bellugi (1967), Brown dan Frazer (1964), Roger Brown dan C Hanlon (1970), Roger Brown (1973) dan lain-lain. Kajian-kajian ini telah menunjukkan struktur-struktur bahasa yang dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat-peringkat umur yang tertentu.

Pada tahun 1970 terbit sebuah makalah yang mempunyai pengaruh penting terhadap wujudnya teori pengajaran bahasa dari sudut komunikatif. Makalah tersebut ditulis oleh Robin Campbell dan Roger Wales bertajuk: "*The Study of language Acquisition*" di dalam buku "*New Horizons in Linguistics*" disunting oleh John Lyons. Mereka berdua berpendapat bahawa kajian-kajian itu hanya menunjukkan struktur-struktur bahasa yang dikuasai oleh kanak-kanak tetapi tidak menunjukkan bagaimana bahasa itu dikuasai dan digunakan untuk berkomunikasi.

Linguistik struktural dan TTG tidak menunjukkan perkaitan antara bahasa dengan penggunaannya di dalam sesuatu konteks. Linguistik struktural menggambarkan struktur-struktur yang terdapat di dalam sesuatu bahasa sementara TTG, antara lain, menunjukkan kemungkinan-

kemungkinan yang terdapat. Chomsky sendiri mengatakan bahawa bahasa yang dikaji adalah bahasa yang di dalam keadaan ideal yang terdapat di dalam penggunaannya antara penutur dengan pendengar tanpa berlakunya sebarang kekurangan atau gangguan. Oleh itu struktur dan kelainan bahasa yang terdapat di dalam kenyataan tidak diperhitungkan oleh Chomsky.

Perkembangan selanjutnya timbullah konsep fungsi bahasa dan tokoh yang penting ialah M.A.K. Halliday. Beliau telah mengkaji perkaitan antara struktur bahasa dengan fungsi bahasa. Melalui kajiannya beliau dapati adanya perkaitan yang rapat di antara struktur dan fungsi; terdapat struktur-struktur yang sama tetapi mempunyai fungsi yang berbeza dan sebaliknya terdapat struktur-struktur yang berbeza tetapi mempunyai fungsi yang sama. Sebagai contoh ajaran "minum susu kambing" boleh berfungsi sebagai satu pernyataan (**statement**) atau boleh berfungsi sebagai perintah jika si penutur itu mempunyai perasaan marah.

Satu lagi pengaruh terhadap wujudnya pengajaran bahasa menurut pendekatan komunikatif ialah perkembangan sociolinguistik. Perkembangan cabang ini telah memperlihatkan bagaimana dialek, perbezaan status antara seorang dengan seorang yang lain, perbezaan jantina, pelajaran, tugas atau pekerjaan dan banyak lagi perkara-perkara mempunyai pengaruh yang luas terhadap penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat yang tidak disentuh oleh linguistik struktural dan TTG.

Bahasa yang digunakan oleh seseorang individu berbeza mengikut situasi, status orang yang bercakap dengannya, perkara yang dibualkan atau dicakapkan, taraf pelajaran kedua-dua orang dan sebagainya. Seorang profesor misalnya akan menggunakan kelainan bahasa yang tertentu apabila berbual dengan rakan-rakan yang sama-sama membuat penyelidikan; kelainan bahasa yang lain apabila bercakap dengan isterinya dan yang lain pula apabila bercakap dengan anak-anaknya yang masih kecil.

Salah seorang tokoh sociolinguis yang penting ialah Dell Hymes. Hymes (1970) telah mengemukakan konsep kebolehan komunikatif. Salah satu ciri penting konsep tersebut ialah konsep kesesuaian (**appropriacy**).

Kesesuaian bermaksud bahasa yang digunakan oleh seseorang itu sesuai dengan situasi atau konteks. Dua orang suri rumahtangga yang sebaya dan berbangsa Melayu tidak akan bertakap seperti di bawah apabila bertemu di jalan:

Cik Timah: Ke manakah awak hendak pergi, Cik Tom?

Cik Tom: Saya hendak pergi ke pasar. Saya hendak beli ikan, sayur dan barang-barang kering.

Mengikut prinsip pengajaran bahasa cara komunikatif, bahasa yang perlu diajar mestilah bahasa yang sesuai dengan situasi yang mungkin akan dialami oleh para pelajar bahasa kedua. Di dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua pelajar-pelajar bukan Melayu tidak dapat berhubung dengan orang-orang Melayu oleh kerana mereka diajarkan struktur-struktur seperti di atas, bukan struktur-struktur yang digunakan sehari-hari oleh orang Melayu.

Analisa wacana adalah satu bidang yang baru yang membawa kepada wujudnya pengajaran bahasa secara komunikatif. Sinclair dan Coulthard (1975) telah mengkaji interaksi di antara guru dengan murid di dalam bilek darjah. Satu dapatan dari kajian mereka ialah terdapatnya penafsiran yang tidak selari atau sama antara murid dengan guru. Ada kalanya guru menggunakan struktur yang tertentu untuk mengetahui mengenai sesuatu tetapi murid atau pelajar memberikan tafsiran yang berlainan. Katakanlah guru sedang mengajar satu tajuk yang baru dengan menggunakan alat pengajaran yang belum pernah digunakan. Seorang murid tiba-tiba ketawa dan guru bertanya mengapa dia ketawa. Murid itu mungkin menafsir pertanyaan guru itu sebagai perintah untuk senyap dan jangan ketawa lagi sedangkan guru benar-benar ingin mengetahui sebab-sebab dia ketawa. Guru ingin mendapatkan maklum balas mengenai pengajarannya. Penafsiran yang berbeza daripada apa yang benar-benar dimaksudkan oleh seseorang penutur kerap berlaku dalam kenyataan.

Dari penerangan yang ringkas di atas, jelas bahawa linguistik struktural dan TTG melihat bahasa sebagai sesuatu yang terpisah dari penggunaannya dalam kenyataan walaupun linguistik struktural mengatakan bahawa bahasa adalah alat komunikasi. Linguistik struktural

dan TTG dapat dikatakan menganggap bahasa sebagai satu alat yang dapat dipelajari dan dikuasai sistemnya. Walaupun terdapat perbezaan antara kedua-dua 'sekolah' linguistik, ahli linguistik struktural dan ahli TTG mempunyai sikap formalis terhadap bahasa. Sebaliknya pengajaran bahasa menurut pendekatan komunikatif didasarkan kepada linguistik yang bercorak fungsional.

Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran menetapkan apakah tentang sesuatu bahasa yang hendak diajar. Di dalam usaha menggubal sukatan pelajaran ada dua persoalan asas yang perlu dihadapi:—

- (a) Apakah bentuk-bentuk bahasa yang mahu diajar?
- (b) Bagaimanakah harus disusun bentuk-bentuk bahasa itu?

Roger Bell (1981) membahagikan sukatan pelajaran bahasa kepada tiga jenis: Sukatan pelajaran corak tatabahasa; sukatan pelajaran corak situasi dan sukatan pelajaran corak 'national' atau komunikatif. Di sini akan dibincangkan corak yang ketiga.

Di dalam menyiapkan sukatan pelajaran untuk pengajaran cara komunikatif terdapat lebih dari satu jenis sukatan pelajaran. Satu jenis sukatan pelajaran disebut fungsional-struktural. Mengikut sukatan jenis ini perkara yang hendak diajar dirancang berdasarkan fungsi-fungsi komunikasi yang berkemungkinan besar akan dialami oleh pelajar-pelajar setelah mereka tamat belajar. Berdasarkan kepada fungsi-fungsi itu akan dipilih struktur-struktur linguistik yang akan diperlukan untuk menghadapi fungsi-fungsi komunikatif yang telah dipilih itu. Struktur-struktur itu dipilih dan disusun dari struktur yang mudah kepada struktur-struktur yang lebih kompleks. Katakanlah fungsi-fungsi yang telah dipilih, antara lain, "bertanyakan nama seseorang", "bertanyakan arah ke sesuatu tempat". Struktur-struktur linguistik yang berhubung dengan fungsi-fungsi itu akan dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran. Jika sekiranya pelajar-pelajar telah dapat menguasai struktur-struktur linguistik, perancang sukatan pelajaran hanya perlu memasukkan fungsi-fungsi komunikatif.

Satu jenis sukatan komunikatif yang terkenal ialah sukatan "national" yang disediakan oleh D.A. Wilkins (1976) hasil dari kerjanya di dalam Majlis Eropah. Mengikut sukatan ini konsep-konsep seperti 'kuantiti', 'penyebab', 'masa' dan lain-lain disenaraikan. Tiap konsep dipanggil "notions". Struktur-struktur linguistik yang berkaitan dengan tiap "notion" akan diajar kepada pelajar-pelajar.

Satu lagi jenis sukatan dipanggil "procedural" yang mula-mula dipraktikkan di India Selatan pada tahun 1979 digubal oleh N.S. Prabhu. Di dalam sukatan ini tidak dinyatakan atau dimaksudkan tatabahasa bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua bagi murid-murid di India Selatan. Tetapi di dalam sukatan itu disenaraikan tugas-tugas yang mesti dijalankan oleh pelajar-pelajar dengan menggunakan bahasa Inggeris. Tugas-tugas yang mesti dijalankan adalah seperti menafsir peta, jadual perjalanan, menyelesaikan masalah dan lain-lain.

Satu kebaikan dari perbincangan mengenai sukatan pelajaran ialah peri pentingnya keperluan-keperluan pelajar berhubung dengan bahasa kedua atau bahasa asing yang dipelajari. Keperluan-keperluan para pelajar sangat diutamakan sebelum sukatan pelajaran ditetapkan oleh kerana dengan mengetahui keperluan mereka pelajaran yang sesuai dapat diajar. Keperluan antara seorang pelajar dengan pelajar yang lain berbeza. Sebagai contoh, ada yang mempelajari sesuatu bahasa untuk membolehkannya membaca buku-buku yang ditulis dalam bahasa itu; ada untuk membolehkan seseorang membuat penyelidikan; ada untuk menjadi pemandu pelancong, dsb. Di dalam konteks pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing atau bahasa kedua telah terdapat konsep bahasa Inggeris untuk tujuan-tujuan khas (**English for Specific Purposes [ESP]**).

Teknik dan Aktiviti

Di dalam pengajaran cara komunikatif, perkara asas ialah proses komunikasi yang berlaku antara pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan guru. Proses komunikasi berlaku apabila informasi disampaikan oleh seorang kepada orang lain dan apa yang disampaikan belum diketahui oleh orang lain. Oleh itu terdapat apa yang dikatakan jurang informasi (**information gap**). Jurang informasi mendasari strategi pengajaran bahasa mengikut pendekatan komunikatif. Oleh kerana tidak adanya jurang

informasi teknik-teknik yang digunakan dalam pengajaran mengikut situasi kurang mendapat perhatian dan tidak dapat menarik minat pelajar-pelajar. Misalnya seorang murid disuruh bercakap tentang apa yang dia lakukan waktu rehat. Pengalaman murid-murid pada waktu rehat tidak mempunyai perbezaan yang bererti antara seorang murid yang lain. Oleh itu murid-murid lain dapat mengagak apa yang hendak dicakapkan oleh murid yang disuruh bercakap di depan kelas.

Di dalam pengajaran cara komunikatif guru berusaha untuk mengadakan jurang informasi supaya murid-murid dapat dan boleh berhubung antara satu sama lain.

Satu lagi prinsip asas dari segi strategi ialah pelajar-pelajar diberikan kebebasan untuk menggunakan struktur-struktur bahasa semasa mereka berhubung antara satu sama lain. Ini berbeza dengan pendekatan struktural di mana pelajar-pelajar menggunakan struktur-struktur yang telah ditetapkan oleh guru bahasa. Berkaitan dengan hal ini ialah terdapatnya laporbalik (**feedback**). Dengan laporbalik dimaksudkan di dalam proses komunikasi apa yang diperkatakan oleh seseorang diberi reaksinya atau dibalas oleh orang yang mendengar supaya terdapat interaksi yang berterusan.

Satu prinsip dasar pendekatan komunikatif ialah sesuatu keseluruhan adalah lebih daripada percantuman bahagian-bahagian. Di dalam situasi berkomunikasi antara seorang dengan seorang yang lain, bahasa yang digunakan merupakan satu corak wacana yang merupakan penggunaan keseluruhan segala unsur-unsur linguistik yang sesuai dengan situasi. Dengan perkataan lain, pengajaran bahasa mengikut pendekatan komunikatif bersifat sintetik (**synthetic**) dan bukan bersifat analisis seperti pengajaran bahasa yang berdasarkan kepada linguistik struktural di mana bahasa dipecah-pecahkan kepada unit-unit yang kecil dan dikuasai satu persatu oleh para pelajar.

Berdasarkan prinsip-prinsip penting di atas, ada beberapa aktiviti yang boleh diadakan oleh guru untuk membolehkan para pelajar mempelajari sesuatu bahasa secara komunikatif. Secara am aktiviti yang diadakan dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut:

(A) Aktiviti-aktiviti komunikasi corak fungsional

(B) Aktiviti-aktiviti komunikasi corak sosial

(A) Aktiviti-aktiviti komunikasi corak fungsional

Di dalam aktiviti-aktiviti jenis ini matlamat penting ialah pelajar dikehendaki menggunakan bahasa bagi menyampaikan maksud atau menyampaikan makna yang dapat difahami oleh pendengarnya tidak kira sama ada bahasa yang digunakan oleh pelajar itu sesuai atau tidak atau ayat-ayat yang digunakannya gramatis atau tidak. Ada beberapa aktiviti yang termasuk ke dalam golongan ini. Beberapa contohnya adalah seperti berikut:

- (i) Meneka gambar. Beberapa keping gambar yang menunjukkan objek-objek yang sama tetapi kedudukan objek-objek itu berbeza (transparensi). Pelajar A mempunyai keenam-enam keping gambar sementara pelajar B mempunyai satu keping gambar sahaja. Pelajar A mesti menggunakan bahasa yang dipelajari untuk meneka gambar yang ada pada pelajar B.
- (ii) Mencari perbezaan. Pelajar A dan pelajar B mempunyai sekeping gambar dan hanya terdapat sedikit sahaja perbezaan antara kedua-dua keping gambar itu. Pelajar-pelajar itu mesti menggunakan bahasa untuk menerangkan gambar masing-masing supaya mereka dapat mengetahui perbezaan yang terdapat antara kedua-dua keping gambar itu.
- (iii) Melukis. Bergantung kepada peringkat perkembangan pelajar, gambar-gambar yang sesuai dapat digunakan untuk menatarkan kemahiran berbahasa pelajar-pelajar. Seorang pelajar diberikan satu keping gambar dan dia disuruh menerangkan kedudukan atau bentuk sesuatu objek supaya seorang pelajar lain yang tidak dapat melihat gambar itu dapat melukisnya. Kejayaan bukan bergantung kepada mutu lukisan itu tetapi sejauh mana pelajar yang memegang gambar itu dapat menerangkan dengan jelas dan pelajar yang seorang lagi dapat benar-benar memahami apa yang diterangkan.

(iv) Menyusun cerita mengikut urutan. Cerita yang terdiri dari gambar bersiri digunting dan tiap satu gambar diberi kepada seorang pelajar di dalam satu kumpulan. Mereka disuruh bertanya antara satu sama lain tetapi tidak dibenarkan menunjukkan gambar pada pelajar yang lain. Menerusi pertanyaan dan jawapan antara mereka, mereka disuruh menyusun semula gambar-gambar supaya menjadi satu cerita yang ada urutan.

(v) Menggunakan peta boleh dijadikan latihan bagi pelajar-pelajar. Pelajar A diberikan peta dan pelajar B juga diberikan sebuah peta lagi yang berbeza sedikit dengan peta pada pelajar A. Katakanlah mereka adalah 'generasi' dalam masa peperangan. Berdasarkan peta pada masing-masing pelajar mereka berbincang bagaimana mereka dapat menyelamatkan 'askar' mereka pergi ke khemah Y dari khemah X. (transparensi).

(iv) Merancang darmawisata. Pelajar A mempunyai peta tempat-tempat yang boleh dilawati sementara pelajar B mempunyai jadual masa buka tempat-tempat itu dan juga jadual perkhidmatan bas. Mereka sama-sama merancang lima tempat yang boleh dilawati dalam masa satu hari dan berada di tiap tempat selama setengah jam.

(B) Aktiviti-aktiviti komunikatif corak sosial.

Beberapa contohnya adalah seperti berikut:

(i) Perbualan atau perbincangan antara pelajar dengan pelajar supaya peluang berkomunikasi terdapat antara mereka. Dengan ini mereka mempunyai peluang untuk melahirkan fikiran dan perasaan mereka dan ini merupakan pengalaman yang baik untuk mereka menggunakan bahasa itu di dalam hubungan-hubungan sosial.

Sebagaimana yang umum berlaku guru biasanya mempunyai kuasa yang penuh di dalam bilik darjah dan gurulah yang paling banyak bercakap sementara pelajar paling banyak mendengar. Percakapan guru pula pada sebahagian besarnya berupa arahan-arahan kepada pelajar-pelajar.

Walaupun pelajar-pelajar dibenarkan berbual atau berbincang guru mestilah mengawasi dan memastikan supaya pelajar-pelajar tidak menyeleweng daripada perkara yang mesti dibualkan atau dibincangkan. Guru juga mestilah memastikan perbualan atau perbincangan tidak dikuasai oleh sebilangan kecil pelajar. Pelajar-pelajar yang kurang menyertai perbualan atau perbincangan mestilah digalakkan supaya mengambil bahagian dengan lebih aktif lagi.

- (iii) Permainan peranan (**role-playing**) memerlukan pelajar membayangkan diri mereka berada dalam situasi luar bilik darjah misalnya bertemu dengan seorang kawan di jalan, menonton pawagam, meminta keterangan berkenaan perjalanan keretapi dan lain-lain. Pelajar-pelajar juga diminta untuk mengambil peranan tertentu dalam situasi itu seperti menjadi pegawai penerangan dan sebagainya. Selain dari kedua-dua syarat itu mereka diminta berlagak atau berlakon seolah-olah situasi itu benar-benar wujud.

Di dalam permainan peranan guru boleh memeringkatkan aktiviti yang akan dijalankan oleh pelajar-pelajar dari peringkat yang mudah di mana dialog yang digunakan oleh pelajar-pelajar disiapkan oleh guru. Dengan ini bahasa yang digunakan dikawal dan ditentukan oleh guru. Peringkat-peringkat yang lebih tinggi adalah di mana guru menyiapkan sebahagian daripada dialog sementara sebahagian lagi dibina oleh pelajar-pelajar sendiri; lebih tinggi lagi guru memberitahu apa yang harus dicakapkan oleh pelajar-pelajar tetapi pelajar-pelajar sendiri mesti membentuk dialog. Pada peringkat yang tertinggi pelajar-pelajar mempunyai kebebasan untuk mengarang cerita dan menulis dialog dan akhirnya melakonkannya.

Permainan peranan merupakan sebahagian daripada simulasi yang banyak digunakan oleh tentera dan perusahaan. Permainan peranan tidak harus dianggap sebagai aktiviti yang hanya menyeronokkan tetapi harus dianggap sebagai peluang yang hampir dengan kenyataan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar setelah mereka tamat belajar dan menjadi orang dewasa. Permainan peranan harus juga dianggap sebagai persediaan bagi pelajar-pelajar tanpa adanya tekanan atau perasaan cemas apabila seseorang harus menggunakan bahasa kedua yang dipelajari dengan penutur asli bahasa itu.

Dari perbincangan mengenai aktiviti-aktiviti pengajaran bahasa secara komunikatif, satu kesimpulan yang mungkin diambil ialah aktiviti-aktiviti itu mengutamakan *kemahiran lisan*. Pada *sebahagian ini* benar kerana kaedah-kaedah pengajaran bahasa kedua sebelum wujudnya pengajaran secara komunikatif memberatkan kemahiran bertulis dan membaca. Kemahiran-kemahiran ini mudah dinilai dan mudah diberikan markah. Tetapi ini tidak bermakna pengajaran secara komunikatif menyetepikan kemahiran bertulis dan membaca. Sebenarnya pengajaran kemahiran-kemahiran itu terdapat tetapi orientasinya berbeza dengan pengajaran tradisional atau struktural. Di dalam pengajaran secara *komunikatif orientasinya* ialah pelajar-pelajar *dikehendaki membuat sesuatu* dan tujuan pengajaran adalah *jelas kepada pelajar-pelajar*. Selain dari ini kerja yang dibuat oleh pelajar-pelajar mempunyai *fungsi komunikatif*; tidak seperti kaedah-kaedah sebelumnya kerja atau latihan yang dibuat dirasakan untuk guru sahaja dan untuk membolehkan guru menilai kadar kemajuan pelajar-pelajarnya. Sebagai contoh pelajar diberikan satu surat dari seorang yang memohon untuk menjadi anggota sebuah kelab riadah. Berdasarkan isi surat itu pelajar diminta mengisi borang permohonan bagi pihak pemohon itu. Satu lagi teknik ialah guru membaca satu perenggan karangan yang sesuai dengan taraf kecekapan pelajar. Setelah membaca setiap ayat, pelajar-pelajar ditanya apakah ayat yang mungkin mengikutinya. Banyak lagi teknik yang boleh digunakan untuk menatarkan keempat-empat jenis kemahiran berbahasa pelajar-pelajar.

Bahan Pengajaran

Seperti juga untuk pendekatan pengajaran bahasa cara lain, pengajaran bahasa secara komunikatif juga memerlukan bahan-bahan pengajarannya yang tersendiri yang berorientasikan konsep-konsep komunikatif. Di dalam bahasa Inggeris contoh-contohnya ialah "**Functions of English**" oleh L. Jones; "**Approach**" oleh Johnson dan Morrow; "**Kaleidoscope: English for Juniors, Stage I**" University of York/MacMillan Education dan lain-lain.

Selain daripada menyiapkan bahan-bahan pengajaran khusus untuk pengajaran secara komunikatif, bahan-bahan pengajaran yang telah ada boleh diubahsuai untuk pengajaran secara komunikatif umpamanya pelajar-pelajar boleh disuruh membincangkan kesesuaian ilustrasi dengan kandungan teks. Slaid juga boleh digunakan untuk pengajaran secara komunikatif. Begitu juga pengajaran cara latih tubi.

Satu sumbangan penting pengajaran secara komunikatif ialah penggunaan bahan-bahan "sebenar" (**authentic**). Dengan bahan-bahan sebenar dimaksudkan bahan-bahan yang dibaca atau digunakan oleh masyarakat penutur jati sesuatu bahasa seperti suratkhobar, majalah, risalah, arahan-arahan umum, filem, rancangan televisyen dan lain-lain. Penggunaan alat-alat media ini mempunyai kelebihan-kelebihan yang tidak terdapat pada buku-buku teks seperti berbagai jenis latihan dapat digunakan, pelajar-pelajar boleh berkomunikasi dengan penutur jati melalui alat-alat itu dan sebagainya. Buku teks hanya digunakan semasa seseorang itu menuntut di kelas dan tidak akan digunakan lagi setelah tamat pelajarannya.

Oleh kerana suratkhobar, majalah dan lain-lain, guru boleh gunakan semua yang terdapat di dalam alat-alat itu boleh digunakan dalam pengajaran termasuk gambar-gambar, ilustrasi dan sebagainya. Satu kelebihan besar bahan-bahan itu tidak memerlukan kemahiran-kemahiran khusus untuk disiapkan serta murah pula.

Peranan Guru

Di dalam pengajaran bahasa secara komunikatif guru mempunyai peranan dan tugas yang berlainan. Jika di dalam pengajaran bahasa secara tradisional dan struktural guru memainkan peranan seperti menetapkan apa yang akan diajar, menyoal dan biasanya memilih siapa yang menjawab, memberikan latihan-latihan sebagai pengukuhan dan sebagainya tetapi di dalam pengajaran secara komunikatif guru memainkan peranan sebagai "**facilitator**" iaitu memberitahu pelajar-pelajar apakah kerja yang mesti dibuat dan kemudian pelajar-pelajar yang memainkan peranan penting sedang guru pula memberi bantuan jika perlu; mengenal pasti, yang aktif dan yang kurang aktif serta memberi galakan kepada yang kurang aktif. Guru juga harus bergerak dari satu kumpulan atau pasangan ke kumpulan atau pasangan yang lain. Dengan ini jelas bahawa guru tidak lagi menjadi pusat perhatian seperti di dalam pengajaran cara tradisional atau struktural.

Kelebihan-Kelebihan

Walaupun terdapat beberapa kekurangan di dalam mengajar secara komunikatif, kelebihan-kelebihan yang terdapat melebihi kekurangannya.

Sebahagian daripada kelebihan-kelebihan yang terdapat ialah ia meninggikan motivasi bagi pelajar-pelajar untuk belajar bahasa kedua oleh kerana pelajar-pelajar dapat melihat perkaitan bahasa dengan pengajaran kelas; membolehkan pembelajaran bahasa cara alamiah oleh kerana bahasa digunakan sebagai alat komunikasi sama seperti pemerolehan bahasa kandung; mengadakan peluang-peluang untuk membina hubungan peribadi antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan guru; memberi peluang kepada pelajar-pelajar di kelas untuk menggunakan bahasa kedua yang sedang dipelajari. Pengajaran bahasa secara komunikatif masih dalam proses perkembangan dan belum lagi tersebar dengan luas.

Bahan-bahan rujukan

1. C.J. Brumfit and K. Johnson, 1979. *The Communicative Approach to Language Teaching*. Oxford U. Press.
2. William Littlewood, 1982. *Communicative Language Teaching*. Cambridge University Press.
3. Keith Johnson, 1982. *Communicative Syllabus Design and Methodology*. Pergamon Press.
4. Delia Hymes and J.J. Gumperz, 1970. *Directions in Sociolinguistics*. Holt Rinehart and Winston.
5. S.P. Corder, 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Penguin Books.
6. H.G. Widdowson, 1978. *Teaching Language as Communication*. Oxford U. Press.
7. H.G. Widdowson, 1979. *Explorations on Applied Linguistics*. Oxford U. Press.

PLEONASME DALAM BAHASA MELAYU

oleh: **Drs. Boon Yadi Rosdi**

Bahasa Melayu telah banyak mengalami perubahan di semua bidang. Kalau dulunya bahasa Melayu hanya dituturkan oleh satu kelompok etnik sebagai bahasa ibunda dengan berbagai 'variasi daerah', kini telah berubah, manakala penuturnya bertambah berlipat ganda.

Bidang yang diteroka oleh bahasa Melayu juga berubah dan menjadi sofistikated dari kehidupan sehari-hari kepada bidang sains dan teknologi, perundangan, ekonomi dan sebagainya. Sesuai dengan statusnya, bentuk pengayaan bahasa dan struktur frasa dan ayat turut berubah, bahkan perbendaharaannya juga diperluaskan.

Pendek kata bahasa Melayu telah berkembang maju dari satu bahasa penuturan kepada bahasa perhubungan, bahasa sains dan teknologi dan sebagainya. Perkembangan bahasa Melayu telah banyak mendapat pengaruh bahasa-bahasa daerah dan asing, terutama bahasa Barat dalam

perkembangan ilmu pengetahuan moden. Pembinaan bahasa Melayu terus diusahakan dan ditingkatkan sehingga nanti menjadi bahasa yang konkrit.

Bahasa Melayu telah berkembang maju di Nusantara, begitu juga Singapura. Apa yang memusykilkan kita, kita masih lagi berhadapan dengan gejala-gejala bahasa terutama bahasa pleonasme. Gejala bahasa pleonasme ini boleh kita temui dalam pemakaian bahasa sehari-hari, sama ada dalam pertuturan atau penulisan, dalam berbagai bentuk.

Pleonasme berasal dari bahasa Latin, 'yang' memberikan makna pemakaian 'kata yang berlebihan'. Kebanyakan penggemar, peminat, pengguna bahasa Melayu terkadang menggunakan bahasa Melayu dengan menggunakan kata-kata yang berlebih-lebihan dalam penulisan, penuturan dan perbincangan. Sebenarnya kita tidak perlu menggunakan kata-kata yang berlebihan maknanya.

Pleonasme ini digunakan dalam beberapa bentuk dan cara, antaranya dinyatakan di bawah ini:

- (1) ada kalanya dua kata atau lebih yang sama maknanya di gunakan sekaligus dalam suatu ungkapan, tulisan dan sebagainya.
- (2) dalam suatu ungkapan yang terdiri dari dua patah perkataan, perkataan yang kedua sebenarnya tidak diperlukan lagi sebab maknanya sudah terkandung dalam kata atau perkataan yang pertama tadi.
- (3) bentuk kata yang digunakan mengandungi makna yang sama dengan kata lain yang dipakai bersama-sama dalam ungkapan itu.

Bentuk Pleonasme yang pertama banyak kita dapati dari buku-buku kesusasteraan klasik seperti; Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu, Bayan Budiman, Pelbagai Bacaan, Hikayat Si Miskin dan sebagainya. Dalam buku-buku sastera tersebut sering terdapat cerita atau dongeng dimulakan dengan ungkapan seperti di bawah ini:

- (1) pada zaman dahulu kala maka tersebut kisah raja Rom . . .

(2) alkisah maka tersebutlah kisah raja Suran masuk ke laut

(3) hatta maka raja Suran pun memerintahkan semua hulubalang pengawal dan pegawai istana masuk mengadap

Perhatikan ayat atau ungkapan terdapat perkataan 'zaman' yang berasal dari bahasa Arab, yang sama maknanya dengan kata 'kala' dalam bahasa Sanskrit. Kata-kata itu bersinonim (sama erti, seiras, seerti) dengan perkataan 'masa' dalam bahasa Sanskrit dan 'waktu' dalam bahasa Arab. Kalau kita alihkan ungkapan 'pada zaman dahulu kala' dengan memakai dua kata yang sama bentuk dan maknanya, maka ungkapan itu akan berubah menjadi pula 'pada masa dahulu masa' atau 'pada waktu dahulu waktu' atau 'pada kala dahulu kala'.

Ungkapan yang diterakan di atas dapat (boleh) digunakan salah satu ungkapan yang tepat seperti berikut. Kalimat di bawah ini lebih kemas, tepat, mudah dan bernas. Perhatikan contoh di bawah ini:

- (a) pada zaman dahulu, dalam sebuah kerajaan memerintah seorang raja yang sangat arif lagi bijaksana.
- (b) dahulu, dalam sebuah kerajaan, memerintah seorang raja yang sangat arif lagi bijaksana.

Kalau kita perhatikan dengan teliti ungkapan 'pada zaman dahulu' bersamaan dengan makna 'pada waktu dahulu' bersamaan juga dengan 'pada zaman purba' bersamaan dengan 'dahulu kala'. Menyentuh mengenai tiga ungkapan yang disebutkan, terdapat susunannya mengikut hukum DM, iaitu kata yang diterangkan terletak di depan kata yang menerangkan, sedangkan ungkapan 'dahulu kala' berlawanan dengan hukum DM kerana kata 'kala' yang diterangkan terletak di belakang kata yang menerangkannya. Sama halnya dengan ungkapan 'pada zaman dahulu kala', ungkapan pada zaman purba kala juga memperlihatkan gejala pleonasme.

Selanjutnya untuk lebih memahami lagi bahasa pleonasme ini, saya perturunkan contoh-contoh pleonasme yang sering terdapat dalam bahasa Melayu. Perhatikan contoh di bawah ini:

(1) mulai sejak waktu itu, kelakuannya yang nakal telah berubah, mungkin kerana ia telah insaf.

(2) sejak masa kematian ibunya, hidupnya tidak menentu.

Penggunaan kata mulai masa dengan kata sejak, jika kita gunakan ungkapan 'mulai sejak' bukankah ini memperlihatkan gejala pleonasme dalam bahasa Melayu, kerana kata 'mulai' sama ertinya dengan kata 'sejak'. Ada baiknya jika ungkapan (1) dan (2) di atas ditulis seperti berikut:

(3) mulai waktu itu, kelakuan yang nakal telah berubah, mungkin kerana ia telah insaf.

(4) sejak kematian ibunya, hidupnya tidak menentu.

Adakalanya orang menggunakan juga ungkapan 'dari sejak waktu itu' dan lain-lain lagi. Tampak di sini gejala pleonasme kerana perkataan 'sejak waktu itu' bersamaan dengan 'dari waktu itu' dan sebagainya.

Marilah kita perhatikan gejala pleonasme jenis atau bentuk kedua, iaitu penggunaan kata kedua tidak diperlukan kerana makna yang terkandung dalam perkataan yang pertama sudah cukup jelas. Tetapi masih ramai orang yang menggunakannya dalam penulisan dan penuturan sehari-hari. Perhatikan contoh ungkapan di bawah ini:

- (a) turun ke bawah - bukan ke atas
- (b) naik ke atas - bukan ke bawah
- (c) mundur ke belakang - bukan ke hadapan
- (d) maju ke hadapan - bukan ke belakang

Ungkapan seperti ini pada umumnya sudah menjadi lumrah dan dianggap sebagai suatu gaya bahasa yang baik, walaupun sebenarnya kalau kita teliti, penggunaan kata kedua itu tidak diperlukan lagi. Sudah jelas bahawa 'orang turun tentunya ke bawah' dan 'orang naik selalunya ke atas', orang mundur selalunya ke belakang dan maju mestinya ke hadapan, bukan sebaliknya. Pada pendapat saya, kata kedua iaitu 'ke bawah, ke atas, ke belakang, ke hadapan' dan sebagainya tidak diperlukan.

Gejala pleonasme ini banyak terdapat dalam karya sastera klasik. Perkara ini berlaku sama ada disedari atau tidak, pengarang, penulis dan pengguna bahasa menggunakan pleonasme untuk mencari keberkesanan bahasa yang boleh menonjolkan makna atau tujuan.

Ada penulis atau pengarang yang sering menggunakan bahasa jenis pleonasme untuk mencari makna atau tujuan yang dapat ditonjolkan. Contohnya seperti berikut:

- (a) kemuncak gunung itu diseliputi 'salji yang putih'
- (b) padang bola itu ditumbuhi rumput yang hijau.
- (c) darah merah mengalir dari perutnya setelah kena tikam.

Meneliti tentang ungkapan yang diutarakan di atas, bukankah salji di kemuncak gunung yang tinggi itu berwarna putih seperti salji yang tampak di puncak Gunung Fuji di Jepun? Dalam ayat (b) Padang bola itu ditumbuhi rumput yang hijau. Bukankah padang yang baik tempat bermain bolasepak selalunya ditutupi dengan rumput yang berwarna hijau walaupun ketika itu musim kemarau panjang. Di sini saya tidak menafikan bahawa bermain bolasepak boleh dimainkan di padang yang tidak berumput hijau, padang gondol atau padang pasir.

Selanjutnya di sini dikemukakan beberapa ungkapan yang sering kita dapati atau dengar orang bertutur atau menulis dalam bentuk bahasa pleonasme. Mungkin gejala ini tidak disedari akan kesalahannya oleh masyarakat pengguna bahasa Melayu, mungkin masyarakat tidak tahu akan hal ini atau terikut-ikut semasa menggunakan bahasa tersebut. Cuba perhatikan ungkapan di bawah ini:

- (a) sudah terantuk baharu hendak menengadiah ke atas.
- (b) ianya diam sahaja menundukkan kepalanya ke bawah.
- (c) tak dapat saya lupakan peristiwa itu kerana saya melihatnya dengan mata kepala saya sendiri.

Sesungguhnya jika diteliti sepintas lalu akan ungkapan di atas ini tidak tampak akan kesalahan bahasanya, tetapi apabila kita teliti dan mengkajinya dengan lebih mendalam, baharulah kita ketahui akan kesalahan bahasanya. Sudah menjadi lumrah alam, apabila dikatakan 'menengadiah' selalunya ke atas - tidak ke bawah, begitu juga dengan ditundukkan ke bawah selalunya kepala dan apabila melihat - melihat dengan menggunakan mata. Mata adalah salah satu pancaindera yang terkandung dalam tubuh kita. Tentunya apabila kita melihat dengan mata kita sendiri - bukan melihat dengan meminjam mata orang lain. Pemakaian bahasa seperti itu semata-mata untuk menekankan erti secara eksplisit.

Pada ayat (c) di atas yang berbunyi; 'tak dapat saya lupakan peristiwa itu kerana saya melihatnya dengan mata kepala saya sendiri'. Di sini yang sebenarnya ayat tersebut dapat ditulis seperti berikut: 'Peristiwa itu saya saksikan sendiri' yang bermaksud 'saya lihat sendiri, bukan saya dengar dari cerita orang lain' sebagai menegaskan pernyataan itu ditambahkan pula kata-kata 'dengan mata kepala sendiri'. Hal ini menunjukkan kelebihan atau melebihi-lebihkan bahasa.

Kembali kita pada pleonasme jenis ketiga yang dinyatakan oleh bentuk kata yang mengandungi makna gramatikal seperti kata yang membentuk ungkapan itu. Contohnya seperti di bawah ini:

- (a) Para tamu-tamu beredar dari tempat masing-masing setelah kedua mempelai berangkat.
- (b) Dalam perjalanan ke luar negeri, Menteri Luar kita akan singgah di beberapa negeri-negeri sahabat.

Ya, cuba perhatikan pada frasa 'para tamu-tamu' dalam kalimat pertama. Kata 'para' itu sendiri telah mendukung konsep jamak, sementara pengulangan kata benda 'tamu-tamu' juga menunjukkan jamak. Di sini terdapat pengertian jamak dinyatakan dua kali. Bukankah bahasa seperti ini menunjukkan kata yang berlebih-lebihan. Ada baiknya jika frasa itu dinyatakan dengan 'para tamu' atau dengan bentuk pengulangan 'tamu-tamu' sahaja. Begitu juga dengan 'beberapa negeri-negeri' seperti dalam ayat (b).

**LAPORAN SIDANG KE-28
MAJLIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM-
INDONESIA-MALAYSIA (MABBIM)
HOTEL HOLIDAY INN, KUCHING,
SARAWAK
6 - 8 MAC 1989**

Laporan oleh: **Drs. Masran Sabran**

PERWAKILAN SINGAPURA

1. YB Sdr Sidek Saniff (Ketua Perwakilan)
2. Sdr Harun A. Ghani
3. Sdr Mohd Naim Daipi
4. Drs. Masran Sabran

Majlis Perasmian dan Penutup

Majlis Sidang Ke-28 MABBIM ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak dan upacara penutupannya oleh Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg, Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak.

Di majlis upacara perasmian dan penutupan itu, Ketua Perwakilan Singapura YB Sdr Sidek Saniff telah diberi kesempatan menyampaikan ucapan aluan dan penutup dalam majlis tersebut. (kedua-dua teks ucapan beliau ada dilampirkan).

Perkara-perkara Perbincangan:

1. Mengadakan Sidang Lengkap dan Sidang Kelompok untuk menerima dan mengesahkan keputusan umum Sidang Ke-27 MABBIM yang telah diadakan pada 7 - 9 Mac 1988 di BSB, Brunei Darussalam dan Sidang Pakar Ke-2 di Kuala Lumpur pada 5 - 7 September 1988.
2. Menerima rencana kerja pada sidang ke-28 MABBIM untuk dibincangkan:-
 - 2.1 Penyemakan semula Pedoman Ejaan dan Pedoman Istilah yang akan dikemukakan oleh Indonesia.
 - 2.2 Prestasi MABBIM
 - 2.3 Pemenggalan kata pinjaman dan kedudukan Imbuhan Pinjaman.
 - 2.4 Laporan hasil penyelarasan istilah di negara masing-masing.
 - 2.5 Bidang-bidang yang akan diikutsertakan dalam Sidang ke-28 MABBIM:

2.5.1 Matematik	2.5.4 Kimia
2.5.2 Fizik	2.5.5 Kewangan
2.5.3 Biologi	
3. Tempat dan tarikh Sidang Ke-29 MABBIM
4. Tempat dan tarikh Sidang Pakar Ke-3 MABBIM

Rumusan Sidang

1. Sidang Ke-28 MABBIM telah mengesahkan hasil Sidang Ke-27 MABBIM yang telah diadakan di BSB, Brunei Darussalam, pada 7 - 9 Mac 1988 yang lalu, tanpa sebarang perubahan.

2. Sidang juga telah mengesahkan hasil Sidang Pakar MABBIM Ke-2 yang telah diadakan di Kuala Lumpur, pada 5 - 7 September 1988 yang lalu, tanpa sebarang perubahan.
3. Laporan prestasi MABBIM tidak dapat dikemukakan pada sidang kali ini kerana kajian secara terperinci tentang hal tersebut tidak dapat dijalankan dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun usaha memasyarakatkan istilah telah mencapai kejayaan khususnya di Malaysia. Majlis mengakui adanya masalah mengkaji prestasi MABBIM, tetapi bersetuju usaha kajian hendaklah diteruskan.

Pihak Malaysia mengemukakan Laporan Penyelarasan (Kertas M-28 JKTBM). Ini boleh juga dianggap sebagai bahagian dari laporan prestasi MABBIM. Majlis bersetuju menerima laporan tersebut dan mencadangkan supaya usaha ini diteruskan.

4. Indonesia memberitahu bahawa edisi baru Pedoman Pembentukan Istilah dan Pedoman Ejaan telah diterbitkan. Pada prinsipnya edisi baru kedua-dua pedoman ini tidak mengalami sebarang perubahan, kecuali dari segi gaya persembahan dan contoh-contohnya. Malaysia dan Brunei Darussalam berpendapat bahawa masing-masing pihak boleh mengemukakan edisi baru kedua-dua pedoman tersebut sekiranya perlu. Walau bagaimanapun, dari segi keutamaan, edisi baru pedoman Ejaan perlu diusahakan dengan segera.
5. Majlis bersetuju menyemak kembali istilah ilmiah asli termasuk tatanama yang dicipta untuk menggambarkan sesuatu konsep atau benda baru yang ditemui oleh pakar-pakar setempat. Dan majlis juga bersetuju meneruskan usaha penyemakan dan penapisan istilah yang telah disepakati untuk tujuan menerbitkan daftar istilah konsep yang komprehensif (khusus untuk sesuatu bidang).
6. Majlis bersetuju bahawa setelah daftar istilah konsep yang komprehensif ini diterbitkan, masing-masing pihak harus pula memberi tumpuan untuk menyusun kamus istilah.
7. Bahawa kemajuan penyusunan Kamus Istilah di negara masing-masing hendaklah dilaporkan kepada MABBIM.

8. Pihak Malaysia telah memberitahu bahawa pihaknya telah siap menyediakan klasifikasi bidang ilmu secara umum dan mengharapkan klasifikasi ini dapat dibincangkan dalam Sidang Ke-29 MABBIM.
9. Majlis bersetuju untuk meneruskan usaha penyusunan istilah bidang Sains Asas sehingga selesai dan bidang-bidang yang lain akan dimulakan setelah penyusunan istilah Sains Asas selesai.
10. Majlis bersetuju bahawa kedudukan Imbuan Pinjaman akan diteliti semula di negara masing-masing dan akan dibincangkan dalam Sidang Ke-29 MABBIM. Pihak Malaysia akan menyediakan kertas kerja kedudukan Imbuan Pinjaman dan Indonesia akan menyediakan kertas kerja Pemenggalan. Kedua-dua kertas kerja ini akan dibincangkan dalam Sidang Ke-29 nanti.

Sementara menanti hasil kajian/penelitian yang lebih lanjut, majlis bersetuju untuk menerapkan secara am kaedah pemenggalan kata Bahasa Melayu/Bahasa Indonesia dalam pemenggalan kata pinjaman dengan tujuan membedakan kata dasar dan imbuan secara am.

11. Majlis juga bersetuju mulai Sidang Ke-29 MABBIM hanya membincangkan masalah-masalah kebebasan dan akan dihadiri oleh anggota kelompok Eksekutif dan Pakar Bidang yang perlu akan diundang dalam Sidang Majlis atau Sidang Pakar MABBIM sebelumnya.
12. Tempat dan tarikh Sidang Ke-29 MABBIM. Majlis bersetuju untuk menyelenggarakan Sidang tersebut di Indonesia (mungkin di Bogor) pada 5 - 7 Mac 1990.
13. Majlis juga bersetuju untuk menyelenggarakan Sidang Pakar MABBIM Ke-3 di Jakarta, Indonesia pada 26 - 30 Jun 1989.
14. Perkara yang akan dibincangkan dalam Sidang Ke-29 MABBIM ialah:
 - a. Kedudukan Imbuan Pinjaman
 - b. Pemenggalan kata pinjaman
 - c. Prestasi MABBIM tentang penilaian hasil kerja yang telah dijalankan/dibuat.

LAMPIRAN A

*UCAPAN ALUAN SDR SIDEK SANIFF,
KETUA PERWAKILAN SINGAPURA (PEMERHATI)
DI PERSIDANGAN KE-28 MABBIM DI KUCHING SARAWAK
PADA HARI ISNIN 6 MAC 1989*

Bismillahirrahmanirrahim,

Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Isteri
Para Menteri,
Para Dif-dif yang terhormat
Rakan saya dari Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam,
Tuan Haji Jumaat bin Dato Haji Mohd Noor
Pak Anton dan Encik Ahmad Kadi
Tuan-tuan dan puan-puan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Sebuah pemerintah yang bertanggungjawab akan menumpukan segala usaha dan tenaganya untuk kesejahteraan rakyatnya. Pengemblengan tenaga dan daya usaha ini biasanya berlegar dan mengimbangi tiga perkara/daerah berikut: **ekonomi, perpaduan dan pembangunan**. Keutamaan dan pembinaan bahasa dengan sendirinya tercakup dalam kehendak tridasar ini sama ada selaku sifatnya untuk berkomunikasi, bahasa juga merupakan penyampaian ilmu, baik teknikal mahupun saintifik termasuklah juga nilai-nilai peradaban manusia itu. Bagi kita di rantau ini, sejarah telah mencatatkan bagaimana giatnya kita, khususnya MABBIM sehingga ia dapat meneroka semacam persamaan bahasa dari berlainan suku atau kelompok dan warisan serta urutan sejarah. Yang pertama kelompok atau suku kaum Jawa, Mendiling, Sunda, Petani, Riau, Iban,

Kedayan dan lain-lain lagi. Yang kedua urutan sejarah dengan ciri-ciri anamisme, unsur-unsur Hinduisme, feodal dan unsur serta anasir Barat.

Pembakuan bahasa ini berdasarkan dua latar belakang tersebut adalah satu keputusan penting yang mencerminkan kematangan dan keinsafan bangsa ini. Hakikat ini perlu kita syukuri dan bangga, Hakikat bagaimana ia telah dapat menembusi warisan keagamaan, sosiolinguistik, budaya, politik bahkan psikologi kebangsaan negara masing-masing tertembus sudah. Di samping itu kita diberitahu sebanyak 123,795 istilah baru telah dimeteraikan daripada 80 bidang dan subbidang telah merangkumi ke dalam bahasa ini, satu rekod daya usaha yang saya kira amat gigih sekali.

Saya yakin sikap ini akan menyebabkan bahasa ini menjadi salah satu bahasa yang tidak akan tersisih di pinggiran arus bahasa dan intelektualisme antarabangsa, insya-Allah.

Akhirnya saya dan rakan-rakan saya dari Singapura ingin merakamkan kesyukuran dan kebanggaan kami bertandang di bumi Kenyalang yang bertuah ini, rasa bangga ini semakin memekar atas senyuman mesra sambutan yang diberikan oleh pihak panitia pertemuan dan ramahnya penduduk-penduduk di sini dari pemimpinnya yang dinamik dan rakyatnya yang bersemangat. Insya-Allah kepada dua orang tokoh bahasa dan jasawan kita, Datuk Haji Hassan Ahmad dan Prof. Dr. Anton Moeliono. Saya hanya dapat menyatakan sebagai seorang ahli politik, mereka biasanya berundur tapi tidak bersara. Saya rasa ada daerah-daerah yang bakal mereka lakukan.

Semoga persidangan ini diberkati Tuhan,. Terima kasih.

LAMPIRAN B

*UCAPAN SDR SIDEK SANIFF
KETUA PERWAKILAN SINGAPURA (PEMERHATI)
DI UPACARA PENUTUP SIDANG MABBIM KE-28
PADA HARI RABU 8 MAC 1989, KUCHING, SARAWAK*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Y.B. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg,
Menteri Pembangunan Perindustrian,
Dif-dif Kenamaan,
Y.B. Menteri-menteri,
Yang Mulia Tuan Haji Jumaat Datuk Haji Mohd. Noor,
Yang Mulia Prof. Dr. Anton Moeliono,
Yang Mulia Tuan Haji Ahmad Kadi,
Para Perwakilan MABBIM,
Ketua-ketua Jabatan,
Tuan-tuan dan puan-puan,

Kalaulah pemerhatian politik dan tanggapan para ekonomis menjadi kenyataan, **Pacific Rim/Basin** (Lingkar Pasifik) akan menjadi daerah pertumbuhan di kurun 21 mengambil alih Lingkar Atlantik yang menjadi daerah pertumbuhan pada kurun 20 ini. Sesuai dengan apa yang dinyatakan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sewaktu membuka rasmi Sidang MABBIM Ke-28 tempoh hari.

Kalau ini berlaku, tempoh pertumbuhan akan lebih ketara kerana dua perkembangan ini: Dunia tidak lagi hanya dwi-polar (**bipolar**). Ia kini adalah pelbagai polar (**multi-polar**) apabila Cina dan Rusia membuka pintu negaranya kepada negara-negara lain yang bukan komunis. China dengan

4 program modenisasinya sementara Rusia pula dengan dasar Glsnost, Peretroika dan Demokratsiyanya.

Di tengah-tengah hiruk-pikuk dunia internasional (**international disquiet**), kewarasan, keinsafan dan kepentingan bersama, dunia sebelah sini telah mewujudkan suasana politik yang menggalakkan. Rusia mula berbaik-baik dengan China, China dengan Indonesia, Rusia mengundurkan diri dari Afghanistan, India dengan Pakistan dan Indochina sedang aktif mencari jalan penyelesaiannya. Insyallah **Detente** akan berleluasa. Pertumbuhan ekonomi akan menjadi lebih selesa.

Penghijrahan bahasa-bahasa dunia ke rantau ini bersama ciri dan pola serta falsafah penggunaannya akan dapat dirasa.

Saya kira, bahasa Inggeris akan mendahului deretan bahasa-bahasa itu. Diikuti oleh bahasa Perancis (kerana masyarakat Indochina), Jerman (selaku negara terpantas jentera pertumbuhannya di dunia), Arab (minyak dan kebangkitan atau renaissance Islam), mungkin juga Rusia. Bahasa Sepanyol juga akan meluas sekiranya negara Amerika Latin mengambil bahagian aktif.

Mereka ini akan bersua dan berusaha mendalami bahasa-bahasa penting di rantau Pacific ini: Jepun, China dan tentunya Bahasa Melayu/Indonesia yang kian menampakkan kemampuan, kepentingan dan pengaruhnya. Ia (Bahasa Melayu/Indonesia) akan lebih terserlah kepada penanam-penanam modal internasional itu.

Keterserlahan ini akan memanfaatkan semua pihak. Dan kita bolehlah berbangga/bersyukur kerana usaha dan penghayatan Bahasa Melayu/Indonesia ke arah menjadi bahasa ILMU telah kita sedari dan lakukan sejak dulu lagi. Khususnya sejak terwujudnya MBIM 17 tahun lalu.

Usaha lebih gigih perlu diteruskan. Ambang tahun 2000 atau abad 21 hanya 10 - 11 tahun sahaja lagi akan kita lihat ufuknya. Tempo ini perlu menampakkan kemuncak kepesatan perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia ini.

Singapura juga akan terheret di dalam perkembangan dan kemungkinan ini. Kami menghadapinya dengan sikap yang positif. Ia tidak

mengurangkan KEPEKAAN kami terhadap perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia. Bagi kami kerjasama kerantauan baik dari segi politik, ekonomi dan sosio-budaya akan kami berikan keutamaan. Bahasa adalah antara yang terpenting.

Keutamaan ini semakin ketara apabila kakitangan awam, para professional digalakkan untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Sementara itu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu/Indonesia di dalam sistem pendidikan terus diperkukuh.

Kami telah pun melaksanakan 3 langkah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kurikulum sekolah. Bahasa Melayu I, Bahasa Melayu II dan Bahasa Melayu III (bagi anak-anak bukan Melayu yang terbaik, kira-kira 10% dari seluruhnya).

Saya menganggapnya selaku satu-satunya sistem pembelajaran yang agak unik yang boleh membawa mereka mempelajarinya di peringkat pengajian tinggi.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya sebagai Ketua Perwakilan Singapura, turut berbangga dengan kejayaan Sidang MABBIM Ke-28 di Sarawak, Malaysia ini, dan menjunjung budi serta keihklasan Panitia Penyelenggara yang mengundang kami sebagai Pemerhati. Kami akan terus memanfaatkan hasil-hasil sidang ini dan menghayati aspirasi murninya.

Kami tidak juga lupa merangkaikan kasih kami akan kemesraan para peserta Sidang dan keramahan penduduk Bumi Kenyalang yang bertuah ini, terutama kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Taib Mahmud dan pemimpinnya yang dinamik.

Orang Daik membawa kelapa
Kelapa dibawa ke Bumi Kenyalang
Budi yang baik kami tak lupa
Sampai ke Temasik tetap dikenang.

Sekian terima kasih. Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

MASALAH EJAN DAN SEBUTAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA: SATU TINJAUAN RINGKAS

oleh: **MOHAMED NAIM BIN DAIPI**

Apabila Singapura mengumumkan pelaksanaan Ejaan yang diselaraskan oleh MBIM (Majlis Bahasa Indonesia dan Malaysia) pada tahun 1979, ramai bahasawan dan anggota masyarakat menganggap bahawa tindakan tersebut adalah wajar dan realistik. Keputusan ini diambil berdasarkan:

1. Hubungan budaya/bahasa Singapura dan Malaysia begitu erat. Pelaksanaan ejaan yang diselaraskan di Malaysia, lambat-laun akan menjejaskan masyarakat pengguna bahasa Melayu di Singapura.
2. Bahasa Melayu di Singapura pada ketika itu mula kehilangan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan. Semenjak perpisahan Singapura dari Malaysia, Singapura semakin menitik-beratkan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan dan bahasa hubungan antarabangsa. Dan sejak 1975 pula, Kementerian Pelajaran Singapura telah memberikan

kelonggaran kepada sekolah untuk tidak memasukkan pelajaran bahasa Kebangsaan dalam jadual waktu. Tindakan ini diambil adalah untuk keperluan ekonomi Singapura yang amat bergantung kepada pelaburan asing dan kepentingan sosial serta politik pada waktu itu. Oleh yang demikian, perkembangan bahasa Melayu di Malaysia dapat membantu perkembangan bahasa Melayu di Singapura juga. Sehingga kini, dasar 'menyerahkan kemajuan bahasa' kepada negara induknya seperti masyarakat pengguna bahasa Melayu Singapura hendaklah terus bergantung kepada kemajuan bahasa Melayu di Malaysia/Indonesia, begitu juga bahasa Inggeris kepada negara Britain/Amerika, bahasa Tamil kepada negara India dan bahasa Mandarin kepada Taiwan/Cina telah ditekankan oleh Perdana Menteri, Encik Lee Kuan Yew dalam ucapannya menyambut hari Kebangsaan 1988 yang lalu.

3. Terdapat pengguna bahasa Melayu Singapura yang telah mengamalkan ejaan yang diselaraskan itu sejak Malaysia/Indonesia merasmikan penggunaannya pada tahun 1972. Dan kerana penggunaannya telah menyerapi media massa dan pendidikan, maka pemerintah telah mengumumkan pelaksanaannya pada tahun 1979 bagi mengelakkan kekecohan ejaan bahasa Melayu di Singapura.
4. Para bahasawan dan para pengguna bahasa Melayu memandang perlunya diteruskan cita-cita Kongres Bahasa dan Persuratan Bahasa Melayu III (16 hingga 21 September 1956) yang mahukan satu perubahan ejaan di kalangan pengguna bahasa Melayu serantau dan antarabangsa. Perasmian penggunaan ejaan yang diselaraskan oleh Malaysia dan Indonesia (1972) dianggap sebagai langkah yang baik untuk membina dan menyeragamkan bahasa Melayu.
5. Selaku pengguna bahasa Melayu yang kecil, Singapura tidak perlu bersendirian dan berasa terpencil. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan perdagangan terbuka dan kemasukan bahan-bahan bacaan yang bebas ke dalam pasarannya, Singapura akan terdedah juga kepada bahan-bahan bacaan dari Malaysia dan Indonesia. Dengan demikian, masyarakat pengguna bahasa Melayu Singapura lambat-laun terdedah juga dengan perubahan-perubahan bahasa Melayu yang melanda Malaysia dan Indonesia. Dalam hal ini, Singapura boleh menjadi laluan penting bagi pengedaran bahan-bahan bacaan dan tulisan antara Malaysia dan Indonesia.

6. Semakin berkurangnya penerbit-penerbit yang mahu menerbitkan bahan bacaan/tulisan berbahasa Melayu di Singapura menyebabkan masyarakat pengguna bahasa Melayu Singapura kekurangan bahan bacaan setempat dan menyebabkan juga usaha mendapatkan bahan bacaan dari Malaysia/Indonesia. Penerimaan ejaan yang diselaraskan ini di Singapura, dapat mengurangi masalah yang mungkin timbul daripada kelainan penggunaan ejaan.

SIKAP DAN PENERIMAAN MASYARAKAT PENGGUNA BAHASA MELAYU SINGAPURA TERHADAP EJAAN YANG DISELARASKAN?

Apabila pemerintah merasmikan penggunaan ejaan yang diselaraskan ini dalam tahun 1979, terdapat reaksi yang agak kabur. Selain daripada para bahasawan, pendidik dan pelajar yang menerima ejaan yang diselaraskan (EYD) ini dengan sebab-sebab yang dinyatakan di atas, terdapat reaksi yang sepi di kalangan masyarakat pengguna bahasa Melayu umum. Walaupun EYD mendapat dokongan daripada mass media setempat dan telah dilaksanakan hampir sepuluh tahun, EYD ini belumlah diresapi atau diterima sepenuhnya oleh pengguna bahasa Melayu Singapura.

Menyentuh tentang keenggaran beberapa golongan pengguna bahasa Melayu terhadap EYD ini, jelas memperlihatkan betapa adanya arahan daripada pihak atasan belum boleh menentukan penyerapan bentuk bahasa yang baru secara menyeluruh. Hal ini dapat juga dibuktikan dengan adanya masyarakat Cina di Singapura yang enggan mendaftarkan nama bayi mereka dengan tulisan Hanyun Pinyin.

Menyebut tentang pengguna bahasa Melayu di Singapura, ada baiknya kita golongkan kepada beberapa kelompok ini, iaitu:

- A. Golongan pengguna yang menerima pendidikan formal bahasa Melayu dengan ejaan yang diselaraskan ini. (lingkungan umur ke bawah 30 tahun),
- B. Golongan pengguna yang menerima pendidikan formal bahasa Melayu dengan ejaan sekolah atau ejaan Zaaba. (lingkungan umur ke atas 30 tahun),

C. Golongan karyawan termasuk penulis kreatif dan pemerintah, dan

D. Golongan karyawan dalam bidang media cetak dan media tayang.

Golongan (A) memperlihatkan pengguna EYD yang amat patuh kerana selama persekolahan mereka, mereka terdedah dengan EYD sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Singapura. Bahan-bahan pembelajaran bahasa dan tenaga guru merupakan penggerak utama bagi mempercepatkan penerimaan mereka akan EYD ini.

Sementara Golongan (B) pula tidak memperlihatkan golongan pengguna EYD secara menyeluruh atau dengan kata lain, dalam golongan ini terdapat adanya pengguna Melayu yang engkar menggunakan EYD atau masih belum sehati menggunakan EYD. Sikap sambil lewa ini mungkin disebabkan:

1. Mereka menyangka bahawa penukaran ejaan ini tidak dapat memberikan apa-apa keuntungan kepada kepentingan pekerjaan atau material mereka.
2. Mereka berpendapat bahawa apa sahaja pembaharuan kepada bahasa Melayu belum dapat menukar nilai ekonomi bahasa tersebut setanding dengan bahasa Inggeris.
3. Mereka telah sehati menggunakan ejaan Zaaba atau ejaan sekolah.
4. Mereka kurang mendapat informasi yang cukup mengenai EYD ini dan hanya berpandukan dengan bahan-bahan bacaan seperti akhbar, majalah dan sebagainya.

Melalui satu tinjauan kecil akan penggunaan EYD terhadap dua golongan ini yakni golongan (A) dan (B), saya berkesempatan meneliti 200 penyertaan peraduan Kuiz Bahasa anjuran Berita Harian sempena Bulan Bahasa 1988 yang lalu (Lihat lampiran 1.) Daripada 200 orang peserta ini, saya memastikan yang 100 peserta berumur ke bawah 30 tahun dan 100 peserta lagi berumur lebih 30 tahun. Hasil penelitian tersebut, saya dapati, seperti berikut:

	GOLONGAN (A)	GOLONGAN (B)	JUMLAH
Menggunakan EYD dengan betul	76	16	92
Masih keliru menggunakan EYD	24	75	99
Tidak menggunakan EYD langsung	0	9	9
JUMLAH	100	100	200

Mengenai Golongan (C) dan golongan (D) pula, terdapat penggunaan yang sama seperti golongan (B) kecuali para karyawan yang terbabit dengan bidang pendidikan. Para karyawan yang tidak menggunakan bahasa Melayu dalam mengendalikan tugas-tugas mereka sehari-harian, jelas kurang peka menggunakan EYD ini. Sementara golongan penulis pula, masih terdapat para pengguna EYD yang masih keliru. Lihat lampiran 2 yang mengisi teks asal dua orang penulis.

Bagi golongan pemerintah pula, kita terasa juga akan pengabaian penggunaan EYD yang betul. Hal ini nyata tergambar dalam papan-papan kenyataan dan surat keliling (warita). Dan yang amat jelas ialah nama dua buah sekolah baru yang menggunakan bahasa Melayu dan terbina dua tiga tahun kebelakangan ini, iaitu Sekolah Rendah Jagoh (seharusnya Jaguh) dan Sekolah Rendah Changkat (seharusnya Cangkat).

Bagi golongan media massa pula, masih ternyata terdapat kesalahan-kesalahan penggunaan EYD. Malah pengabaian menggunakan EYD jelas terpancar di peti TV baru-baru ini. Sekadar contoh perkataan **calon-calon** pilihanraya ditayangkan dengan **chalon-chalon**.

BEBERAPA KEKELIRUAN PENGGUNA BAHASA MELAYU DI SINGAPURA MENULISKAN EYD.

Setelah pelaksanaan EYD di Singapura hampir menjangkau sepuluh tahun, masih terdapat beberapa kekeliruan di kalangan penggunanya. Jika

kita teliti, kekeliruan tersebut bukanlah disebabkan kekurangan atau kerumitan EYD tetapi kekeliruan tersebut lebih disebabkan oleh sikap penggunanya. Sebenarnya EYD, merupakan sistem ejaan yang mudah dan lebih konsisten jika dibandingkan dengan ejaan Zaaba atau ejaan sekolah.

Meninjau beberapa kekeliruan penggunaan EYD ini, kita dapati ramai pengguna yang masih keliru dalam aspek-aspek berikut:

1. PENYELARASAN HURUF VOKAL

EYD menyelaraskan atau menyesuaikan dua huruf vokal yang membentuk dua suku kata pada kata dasar, iaitu pasangan di antara huruf vokal pada suku kata praakhir dengan huruf vokal pada suku kata akhir tertutup melalui tiga syarat berikut:

- A) Keselarasan di antara dua huruf vokal pada kata dasar;
- B) Kata dasar hendaklah berakhirkan suku kata tertutup;
- C) Bagi kekata yang mengandungi lebih daripada dua suku kata, maka keselarasannya hanya berlaku pada dua suku kata yang terakhir sahaja.

Ramai pengguna yang masih belum mantap menggunakan keselarasan huruf vokal ini. Oleh yang demikian, kita masih melihat beberapa kekeliruan berikut:

datok	(seharusnya datuk)
balek	(seharusnya balik)
tidor	(seharusnya tidur)
pilih	(seharusnya pilih)
peloh	(seharusnya peluh)
lebeh	(seharusnya lebih)
pulot	(seharusnya pulut)

dan sebagainya.

Malah kekeliruan ini terdapat juga pada pola-pola yang tidak berubah dengan ejaan Zaaba, seperti:

oleh	(dieja olih)
boleh	(dieja bolih)
celoteh	(dieja celotih)

dan sebagainya.

Terdapat juga para pengguna yang melakukan perubahan huruf vokal berikut yang sepatutnya tidak berubah kerana kedudukan suku katanya bukan suku kata praakhir. Sekadar contoh:

keciwa	(seharusnya kecewa)
sembilih	(seharusnya sembelih)
tembilang	(seharusnya tembelang)
selindang	(seharusnya selendang)
gelumbang	(seharusnya gelombang)
pelikat	(seharusnya pelekat [pølekat])
semuga	(seharusnya semoga)
kaidah	(seharusnya kaedah)

dan sebagainya.

2) PENGEJAAN KEKATA PINJAMAN

2.1) Kekata Pinjaman dari Nusantara

Pengejaan kekatan pinjaman dari Nusantara yang diterapkan di dalam EYD banyak menimbulkan kekeliruan penggunaannya. Apatah lagi apabila perkataan-perkataan tersebut sudah sehati atau mantap penggunaannya di kalangan pengguna.

Sekadar contoh:

lakun	(seharusnya lakon)
lapur	(seharusnya lapor)
radin	(seharusnya raden)
tulin	(seharusnya tulen)
perabot	(seharusnya perabot)
pelancung	(seharusnya pelancong)

dan sebagainya.

Terdapat juga para pengguna yang keliru sewaktu menggunakan kekata pinjaman dari Nusantara ini. Mereka kurang pasti apakah kekata tersebut dianggap kekata pinjaman atau kekata asli Melayu. Dengan demikian, kekeliruan penggunaannya berlaku.

Sekadar contoh:

ambin (seharusnya amben [bermaksud balai-balai])
 gerbung (seharusnya gerbong [bermaksud gerabak keretapi])
 ulit (seharusnya ulet)
 anih (seharusnya aneh)
 jempul (seharusnya jempol)
 dan sebagainya.

Saya tanggap, jika kekata pinjaman dari Nusantara tidak tertakluk kepada pengecualian sistem keselarasan huruf vokal, maka kekeliruan pengguna mungkin dapat dikurangkan.

2.2) Kekata Pinjaman dari bahasa Inggeris

Seperti kekata pinjaman dari Nusantara, terdapat juga kekata pinjaman dari bahasa Inggeris yang sudah agak mantap penggunaannya di kalangan pengguna seperti basikal, radio, gabenor, tiket, filem dan sebagainya. Di dalam EYD, kekata seperti ini dikekaikan pengejaannya. Namun demikian, terdapat juga beberapa patah perkataan yang agak mantap penggunaan tetapi diubah ejaannya dalam EYD.

Sekadar contoh:

kota (seharusnya kuota)
 kopon (seharusnya kupon)
 katun (seharusnya kartun)
 okid (seharusnya orkid)
 disel (seharusnya diesel)
 dailog (seharusnya dialog)
 mesen (seharusnya mesin)

bonos (seharusnya bonus)
 kaban (seharusnya karbon)
 maksima (seharusnya maksimum)
 minima (seharusnya minimum)
 penal (seharusnya panel)
 talipun (seharusnya telefon)
 dan sebagainya.

Menyentuh tentang kemasukan gugus konsonan asing ke dalam sistem ejaan bahasa Melayu juga telah menerbitkan beberapa kekeliruan pengguna. Apatah lagi apabila EYD menetapkan bahawa bentuk-bentuk pengejaan istilah asing sedapat-dapatnya ditulis mengikut bahasa sumbernya dan disebut dengan sistem bunyi bahasa Melayu, maka pengguna yang sering mengeja berdasarkan bunyi, akan menghadapi kekeliruan-kekeliruan berikut:

GUGUS KONSONAN	KEKATA	KEKELIRUAN PENGGUNA
bl	blok	belok [ba oʔ]
br	brek	berek [bərɛʔ]
dr	draf	deraf [dərɛf]
fl	konflik	konfelik
gr	graviti	gerabiti
kl	coklat	cokelat
pl	kompleks	kompeleks
sk	sketsa	seketsa
st	stamina	setamina
rf	alomorf	alomof

dan sebagainya.

Selain daripada itu, kemasukan kekata asing terutama bahasa Inggeris telah menambahkan bilangan satu huruf yang melambangkan dua fonem. Seperti yang kita ketahui, di dalam EYD terdapat huruf e yang melambangkan dua fonem iaitu e pepet [ə] dan e taling [e]. Dan kemasukan kekata berikut bukan

sahaja menambahkan bilangan bentuk berikut tetapi boleh mengelirukan penggunaanya. Contoh yang lain:

HURUF	FONEM	PERKATAAN
c	/k/	coup de tat [kop de ta]
	/c/	cas [cas] canselor cek

dan sebagainya.

2.3) Kekata Pinjaman dari bahasa Arab

Timbul juga beberapa kekeliruan penggunaan sewaktu menuliskan kata pinjaman dari bahasa Arab. Tengkarah mengenai bunyi dalam bahasa Melayu dengan bunyi asal bahasa sumbernya menyebabkan beberapa keenggaran pengguna hendak menuliskan sebahagian kekata pinjaman dari bahasa Arab ini. Hal ini adalah kerana:

A) Boleh berubah makna dari bahasa sumber.

Sekadar contoh:

nikmat	-	sengsara
ni'mat	-	rasa bahagia
kalbu	-	anjing
qalbu	-	sanubari
takbir	-	mengagungkan
ta'bir	-	tafsiran

dan sebagainya.

B) Boleh membezakan kekata tersebut dengan kekata bahasa Melayu yang menggunakan lambang yang sama.

Sekadar contoh:

reda	-	i) mulai berhenti/berkurangan
		ii) izin (redha)
sabit	-	i) sejenis alat
		ii) pasti, jelas (tsabit)
salat	-	i) sejenis panganan
		ii) sembahyang (shalat)

dan sebagainya.

Nota: Kekata di dalam kurungan merupakan saranan pengguna bahasa.

Kalaulah kita teliti, kekeliruan ini boleh diatasi jika kita sedar bahawa kekata pinjaman tersebut terserap ke dalam bahasa Melayu dengan pengertian yang diterima masyarakat pengguna. Sekadar contoh, masyarakat pengguna menerima 'kalbu' sebagai sanubari bukannya anjing. Begitu juga dengan kekata yang lain.

Sesungguhnya, banyak kekata pinjaman dari bahasa Arab sebenarnya bukan sahaja berubah dari segi bunyi tetapi sekali gus berubah dari segi makna. Sekadar contoh perubahan bunyi dari bahasa sumber adalah seperti berikut:

SISTEM EYD	ARAB (RUMI)	ARAB (JAWI)
kisah	kissah	قصة
lazat	lazzah	لاذة
pasik	fasiq	فاسق

SISTEM EYD	ARAB (RUMI)	ARAB (JAWI)
sidik pakat kalbu	siddiq muafaqah qalb	صِدْق مُؤَافِقَة قَلْب
berkat sedekah azimat	barakah sadaqah azimah	بَرَكَة صَدَقَة أَزِيمَة
taat ilmu	ta'ah 'ilm	تَاعَة عِلْم

dan sebagainya.

3. PENGGUNAAN LAMBANG e untuk dua fonem

Terdapat juga pengguna yang keliru menyebutkan samasa e sebagai e pepet [ə] atau e taling [e] sehingga menjejaskan penulisan mereka terutama yang bersangkutan dengan suku kata akhir yang bervokal i dan u.

Sekadar contoh:

- | | | |
|---------------------------|---|-------------------|
| telor (pelat) | - | ditulisnya telur |
| belot (menyebelahi musuh) | - | ditulisnya belut |
| tembok (dinding batu) | - | ditulisnya tembuk |
| sepet (sifat bagi mata) | - | ditulisnya sepit |
| tepok (lumpuh) | - | ditulisnya tepuk |
| becok (bising) | - | ditulisnya becuk |

dan sebagainya.

Kekeliruan tersebut disebabkan kekeliruan untuk menyebutkan e taling [e] atau tidak dapat membezakan antara dua patah perkataan yang kebetulannya menggunakan lambang yang sama.

Sekadar contoh: becuk [bəcuʔ] yang bermaksud sejenis ikan dengan becok [bɛcɔʔ]

4. KEKELIRUAN PENGGUNAAN DI DAN KE

Masih ramai masyarakat pengguna terutama golongan yang berumur ke atas 30 tahun yang tidak dapat membezakan di dan ke sebagai imbuhan atau kata depan. Sekadar contoh:

- | | | |
|-----------|---|-----------------------|
| dirumah | - | seharusnya di rumah |
| disebalik | - | seharusnya di sebalik |
| di timang | - | seharusnya ditimbang |
| di kenang | - | seharusnya dikenang |
| di duga | - | seharusnya diduga |

(nota: lihat peraduan kuiz Berita Harian - lampiran 1)

Malah, masih terdapat juga pengguna yang masih menggunakan tanda sempang sewaktu menggunakan di. Sekadar contoh:

- di-hati
di-timbang
di-duga
(lihat seterusnya lampiran 1)

Begitu juga penggunaan ke. Pada saya, kekeliruan ini disebabkan oleh fungsi penggunaan yang berbeza di dalam EYD. Jika di dan ke ditulis serangkai dengan kekata yang kemudiannya tanpa melihat kelas kata-nya, maka kekeliruan menggunakan EYD boleh dikurangi.

MASALAH PENYEBUTAN BAHASA MELAYU SETELAH PENGGUNAAN SISTEM EYD

Sehubungan dengan penerimaan sistem EYD ini atau sistem ejaan yang dianggap baku masa kini, Malaysia telah mengorak langkah untuk membakukan pula sebutan. Objektif pembakuan sebutan di Malaysia ini yang mahukan bentuk penyebutan yang seragam telah ditimpakan dengan hal-hal yang berhubung dengan politik. Walaupun penerimaan terhadap sebutan yang hendak diselaraskan itu agak berbelah bahagi, namun Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengarahkan semua sekolah melaksanakan sebutan tersebut pada awal tahun ini. Apakah yang akan

berlaku ke atas pengguna bahasa Melayu di Singapura. Apakah Singapura akan menerima tempiasannya seperti mana yang berlaku kepada sistem ejaan? Atau apakah Singapura akan terus mengekalkan sebutan yang dianggap Johor-Riau ini (sebutan sekolah?) supaya identiti kesingapuraan penutur bahasa Melayu berbeza dengan pengguna bahasa Melayu di rantau ini?

Jika kita membuat tinjauan, penerimaan ejaan yang dianggap baku kini telah menimpakan kita dengan masalah ujaran atau sebutan yang semakin meluas. Kalaulah sewaktu kita menggunakan ejaan sekolah atau sistem ejaan Zaaba, masalah ujaran atau sebutan yang kita amalkan kini agak berkurangan.

Perkara yang sering diungkitkan tentang masalah ujaran ejaan baku ini ialah tentang huruf akhir bervokal 'a' yang mendapat dua fonem iaitu bunyi [a] dan bunyi [ə]. Sekadar contoh:

FONEM [a]- bola [bɔlə]
 cota [cɔtə]
 drama [drɔmə]
 sastera [sɑstərə]
 wanita [wɑnɪtə]
 dan sebagainya.

FONEM [ə] - saya [sɑyə]
 bawa [bawə]
 usaha [ʊsəhə]
 tanda [tɑndə]
 sangka [sɑŋkə]
 belaka [beləkə]
 angkasa [ɑŋkəsə]
 periksa [pərɪʔsə]
 dan sebagainya.

Dan apabila kita menerima ejaan baku ini, masalah ujaran ini semakin membesar jika kita terus mengekalkan sebutan yang sedang kita amalkan kini. Masalah satu lambang yang diberikan dua fonem semakin bertambah.

Sekadar contoh:

a) Vokal i dibunyikan [e] dan [i]:

pilih - dibunyikan [pɪləh]
 masjid - dibunyikan [masjəd]
 giling - dibunyikan [gɪləŋ]
 bilik - dibunyikan [bɪləʔ]
 petir - dibunyikan [pɛtər]
 putih - dibunyikan [putɪh]
 dan sebagainya.

Sementara vokal i yang tetap dibunyikan [i] ialah:

klasik - tidak dibunyikan [klaseʔ]
 muzik - tidak dibunyikan [muzeʔ]
 kritik - tidak dibunyikan [kriteʔ]
 republik - tidak dibunyikan [repleʔ]
 sifir - tidak dibunyikan [sɪfər]
 jijik - tidak dibunyikan [jɪjɛʔ]
 dan sebagainya.

b) Vokal u dibunyikan [u] dan [o]:

untuk - dibunyikan [untɔʔ]
 puluh - dibunyikan [puloh]
 kusut - dibunyikan [kusɔʔ]
 tunggu - dibunyikan [tʊŋgɔl]
 panggung - dibunyikan [pɑŋgɔŋ]
 tunggang - dibunyikan [tɔŋgɑŋ]
 dan sebagainya.

Sementara vokal u tetap dibunyikan [u] ialah:

maksimum - tidak dibunyikan [maksimom]
 benguk - tidak dibunyikan [beŋoʔ]
 buntu - tidak dibunyikan [buntə]
 rekrut - tidak dibunyikan [reʔrɔʔ]
 dan sebagainya.

c) Vokal a dibunyikan [u]:

Selain daripada bunyi vokal a seperti yang dinyatakan terlebih awal, vokal a juga dibunyikan [u] sekadar contoh:

agama - dibunyikan [ugama]
dan sebagainya.

d) Vokal u dibunyikan [a]

industri - dibunyikan [indasteri]

e) Vokal u dibunyikan [ə]

kuorum - dibunyikan [korəm]

f) Konsonan g dibunyikan dengan fonem [g] dan [j]

teknologi - dibunyikan [tɛknoloʝi]
algebra - dibunyikan [alʝibra]
oksigen - dibunyikan [oʝsiʝən]

Sementara huruf g tetap dibunyikan [g]:

gigi - tidak dibunyikan [ʝiʝi]
segar - tidak dibunyikan [səʝar]
gram - tidak dibunyikan [ʝəram]

Kalau diteliti lebih mendalam, banyak lagi kelainan-kelainan bunyi vokal dan konsonan pada ejaan baku jika kita terus menyebut dalam sebutan semasa.

Jika kita susuri beberapa kekeliruan penyebutan di kalangan masyarakat kita terutama kanak-kanak, beberapa kelainan atau variasi kita temui.

Sekadar contoh:

PERKATAAN	SEBUTAN MENGIKUT EJAAN BAKU	SEBUTAN SEMASA ATAU VARIASI
hendak	[həndaʔ]	[əndaʔ]
paha	[paɦa]	[pəɦə]
ubat	[ubat]	[obat]
hanya	[ɦana]	[ɦana]
pegang	[pəgan]	[pəgan]
hairan	[ɦairan]	[ɦeran]
bazar	[bazar]	[bezar]
dialog	[dialog]	[dailog]
pistol	[pistol]	[pestol]

dan sebagainya.

Dan permasalahan ini semakin membesar apabila kita menerima sistem ejaan baru yang memberikan nilai bunyi yang mantap bagi setiap lambang termasuk gugus konsonan ng, ny, gh, kh dan sebagainya.

Seperti yang kita ketahui, beberapa kaedah awal pengajaran ejaan dan bacaan asas di sekolah-sekolah rendah setempat, lebih menggunakan kaedah suku kata. Jika setiap lambang tidak berbagai sebutannya, adalah dijangkakan para pelajar akan mudah mempelajari pelajaran asas ini dengan menggunakan kaedah suku kata. Penekanan terhadap peri pentingnya pelajaran ejaan dan bacaan asas di peringkat awal ini haruslah diberi perhatian sepenuhnya. Dan sistem bunyi seperti yang disarankan dalam sistem ejaan baru dapat membantu mempersegera pencapaian para pelajar. Dengan demikian pencapaian asas ini dapat memberi keyakinan para pelajar mengeja dan membaca dengan betul.

Oleh yang demikian, sistem sebutan yang disempurnakan berdasarkan ejaan baku ini hendaklah disegerakan pelaksanaannya secara peringkat demi peringkat atau secara perlahan tanpa mengejutkan orang awam dan

pihak media elektronik. Melalui proses ini, lambat-laun, penyebutan yang sempurna ini akan dianggap baku pada suatu masa nanti dan tidak menjejaskan masyarakat sepenuhnya.

Dan tentulah, kita tidak akan ketinggalan pada suatu masa nanti apabila Malaysia melaksanakan sepenuhnya sistem sebutan yang dianggap baku ini.

Mengenai sebutan pinjaman dari bahasa Arab yang tidak sebunyi dengan bunyi bahasa sumbernya, saya berpandangan bahawa sesuatu perkataan yang telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu, haruslah dianggap sebagai sebahagian kekata bahasa Melayu yang tertakluk pengertiannya dengan persetujuan masyarakat pengguna dan perancang bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kita tidaklah perlu merubah bunyi [aidilfitri] kepada [idulfitri], kalbu dengan qalbu kerana kita telah sama-sama menerima yang 'kalbu' itu adalah sanubari, bukannya anjing, dan sebagainya.

Begitu juga dengan kata pinjaman bahasa Inggeris. Walaupun ejaan kita kini telah diterapkan dengan banyak gugus konsonan yang baru, kita haruslah berpegang dengan kenyataan bahawa 'penulisan isitilah ini sedapat-dapatnya mengutamakan ejaannya dalam bahasa sumber dan penyebutannya disesuaikan dengan sistem bunyi bahasa Malaysia.

Halangan-halangan penyebutan berdasarkan kepada ejaan baku adalah halangan-halangan linguistik semata-mata. Dan halangan linguistik lebih mudah diselesaikan dengan adanya pendidikan formal dalam bidang ini secara teratur. Begitu juga dengan halangan sosiolinguistik, kesedaran dan perubahan sikap untuk melihat penyeragaman sebutan dan ejaan serta pembakuan dalam bidang-bidang bahasa yang lain bagi meningkatkan nilai dan peranannya di rantau ini dan arena antarabangsa akan mudah terlaksana.

Sekian.

Wallahualam Bissawab.

CERPEN

SHAHIDAH

Shahidah sering berkenan sebagai persoalan bermula di benaknya. Fikirannya kusut dan berkecaum. Rasanya ingin dia melepaskan apa yang terbuak di hatinya dengan suatu tindakan yang diluar kemampuannya sendiri. Tindakan yang bertentangan dengan sifat-sifat kepupuaan dan suatu yang ditegah oleh Ugama.

Tetapi keimanan yang setipis sutera sulaman membangun dia demi heseedaran. Batas-batas keimanan yang terpuak di hati naluri nya menjinakkan ia sedikit demi sedikit. Tetapi sampai bila ia boleh berteguh... sampai bila keimanan yang setipis sutera... di pertengahan adalah sampai ditahan ketika, ia **ESEI : KEJAHILAN BOLEH ROSAKKAN AQIDAH.**

telah leleh tak berlaya atau ketika hundi bezgan... kemudian segala isinya atau ketika nyawanya di keronyokan dan detik-detik kematian akan menegala-galanya akan tertubur bersama pesuruh jasa... tahlah... keadaban yang akan menentukan.

Hati Shahidah hancur. Hancur bagai kac diri nya serba salah memikirkan persoalan-persoala haca nya tiada jalan keluar untuk menebus segala di perlakukannya.... Buntu... Apa yang harus ia lak menjadi bubur. Tetapi siapa yang harus di persal ibu... ayah... atau....

Hidup Shahidah sering kesepian..kadang mengalir dari kelopak nata nya. Tetapi ia sering segala kedudukan di sebalik senyuman di hadapan ke hati nya memberontak...ingin kedamaian, kebahagiaan Sama hidup nya selama dua puluh satu tahun ti kasah sayang sejati yang ia impikan. Lamunannya ketika ia berusia enam belas tahun ia itu sewal di bangku sekolah di menengah empat. Sepertubaya dir

1

Setelah membaca cerpen Segulung Pita (BM 20.12.87), karya Ismail Sarkawi, dan esei Kontra antara Fikiran dan Hukum (BM 14.2.88), tulisan Mohaimi Subir. Kita ingin membuat tanggapan lebih lanjut lagi. Kita akui pendapat Mohaimi Subir bahwa terdapat kontra antara fikiran dan hukum (syara') di- dalam cerpen tersebut.

Penulis SP (benar2) keliru dalam menempatkan antara fikiran dan hukum (syara'). Lantas kekeliruan ini diajukan dalam cerpennya hingga lebih mengelirukan pembaca yang beragama Islam dalam memahami hukum yang sebenarnya. Terutama sekali keatas pembaca yang lemah (aqidah nya) dan tumpul hukum (fah nya) Sememangnya (simati) telahpun melakukan (perkara2)

yang mungkar. Perkara yang mungkar adalah (sebahagian) dari (tipu-heloh) yang diperjuangkan oleh iblis (keatas) umat Muhammad. Sepertimana perjanjian iblis didalam (surah al Baqarah : 16/17): "saya (benar2) akan menghalangi mereka dari (jalanMu) yang lurus. Kemudian saya akan datang mereka dari muka dan dari belakang mereka, dari kanan dan dari kiri mereka, dan Rangkau tidak akan dapati (kebanyakkan) mereka bersyukur". Nyatalah (simati) belum sempat bertaubat, kerana telah menemukan ajal nya dalam keadaan mungkar. Lantas haarat nya hanya menjadi satu mimpi di dalam hidupnya. Apakah iblis (benar2) telah berjaya memalingkan (simati) dari Tuhannya? Terserulah kepada jalaran fikiran kamu untuk menentukan dengan (dalil2) kamu sendiri.

mengikat hukum (syara') wanita Islam dibolehkan berkahwin dengan lelaki Islam. Dan lelaki Islam dibolehkan berkahwin dengan wanita ahli Kitab (yang masih memegang teguh kepada kitab (tulin) Taurat, Injil atau Zabur) selain dari wanita Islam sendiri. Tetapi tiada (sama sekala) dibenarkan wanita Islam berkahwin dengan lelaki selain Islam. Nyatalah perkahwin-an antara (simati) dengan lelaki yang tidak beragama (atheis

LAMPIRAN (2)

1. TATANG. 6. TUNDA
 2. CANG. 7. PIKUL
 3. JUNJUNG. 8. JULANG
 4. DUKUNG. 9. KANDAK
 5. BAMBIT. 10. USUNG.

2. 1. KACIP. 6. KERIS
 2. TEMPAT BAKA. 7. REDAS
 3. KEHAL. 8. CANANG
 4. TINJAK. 9. DULANG
 5. LABU. 10. BAKUL.

3. 1. ORANG YANG LEPAS JANGAN DI-KENANG
 SUDAH MENJADI HAK ORANG LAIN.
 2. NENEK-KU TANAM BIJI DELIMA
 ADA SEBAB PERIA TUMBUH.
 3. APA GUNA BERISTERI CANTIK
 KALAU TIDAK DENGAN BUDINYA.
 4. SUNGGUH JAUH BERIBU BATU
 HILANG DI-MATA DI-HATI JANGAN
 5. KECIL-KECIL DI-TIMANG IBU.
 SUDAH BESAR DI-TIMANG GELOMBANG.

4. 1. MACAM KATAK DI-BAWAH TEMPURUNG.
 2. KALAU KAIL PANTING SE-TENGKAL LUTAN DAKAM JANGAN
 3. ADA UDANG DI-SEBALIK BATU. DI-BACA
 4. AYAM TERLEPAS TANGAN BAIU TAHI
 5. AIR YANG TENANG JANGAN DI-SANGKA TIADA BUAYA

3. 1. BARANG YANG LEPAS JANGAN DIKENANG
 SUDAH MENJADI HAK ORANG LAIN.
 2. NENEK TANAM BIJI DELIMA
 ADA SEBAB PERIA TUMBUH.
 3. APA GUNA BERPARAS CANTIK
 KALAU TIDAK DENGAN BUDINYA.
 4. WALAU JAUH DINEGERI SATU
 HILANG DINATA DIHATI JANGAN.
 5. KECIL-KECIL DITIMANG IBU
 SUDAH BESAR DITIMANG GELOMBANG.

4. 1. SEPERTI KATAK DI-BAWAH TEMPURUNG.
 2. Kalau kail panjang sejenak, tangan lutan kesetik dahulu
 3. ADA UDANG DI-SEBALIK BATU.
 4. AYAM TERLEPAS TANGAN BAIU TAHI.
 5. Air yang tenang jangan disangka tidak buaya.

3. 1. BARANG YANG LEPAS JANGAN DI-KENANG
 SUDAH MENJADI HAK ORANG LAIN.
 2. NENEK KU TANAM BIJI DELIMA
 ADA SEBAB PERIA TUMBUH.
 3. APA GUNA BERISTERI CANTIK
 JIKA TIDAK BAIK HATI-NYA.
 4. SUNGGUH PUN JAUH BERIBU BATU
 HILANG DI-MATA DI-HATI JANGAN.
 5. KECIL-KECIL DI-TIMANG IBU
 SUDAH BESAR DI-TIMANG GELOMBANG.

4. 1. SAPERTI KATAK DI-BAWAH TEMPURONG.
 2. ADA UDANG DI-SEBALIK BATU.
 3. AYAM TERLEPAS TANGAN BAIU TAHI.
 5. AIR YANG TENANG JANGAN DI-SANGKA
 TIADA BUAYA.

Kesalahan-kesalahan ejaan:

1. Di-kenang
2. Nenek-ku
3. Di-mata
4. Di-hati
5. Di-timang
6. Di-bawah
7. Di-duga
8. Disebalik
9. Di sangka

Kesalahan-kesalahan ejaan.

1. Dinegeri
2. Dihati
3. Dibawah
4. Disebalik

Kesalahan-kesalahan ejaan:

- | | |
|---------------|----------------|
| 1. Di-kenang | 8. Di-timang |
| 2. Nenek ku | 9. Saperti |
| 3. Hati-nya | 10. Di-bawah |
| 4. Sunguh pun | 11. Tempurong |
| 5. Kecil2 | 12. Di-sebalik |
| 6. Di-hati | 13. Di-sangka |
| 7. Di-mata | |